



FACULTY OF EDUCATION AND ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

Student ID (in Words) :

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**
 Semester & Year : September - December 2024
 Lecturer/Examiner : Ms Normazura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:

PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.

PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
 SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
 Answers are to be written in the Answer Booklet provided.
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Peribahasa “tangan yang menghayun buaian dapat menggoncang dunia” merujuk kepada kekuatan wanita dalam membina negara dan generasi. Namun, statistik menunjukkan ibu bapa, terutama ibu, sering menjadi pendera utama kanak-kanak. Kes penderaan **kian melonjak** dengan 220 kanak-kanak mati akibat penderaan antara tahun 2018 hingga 2022.

Penderaan kanak-kanak boleh memberi kesan buruk kepada perkembangan fizikal, mental, dan emosi mereka. Kanak-kanak yang didera sering mengalami masalah emosi, seperti ketakutan berterusan, keresahan, dan kemurungan. Hal ini akan menyebabkan mereka sukar membina hubungan yang sihat. Seterusnya, kanak-kanak yang mengalami penderaan sering menghadapi masalah dalam pembelajaran, termasuk lemah daya ingatan, sukar memahami pelajaran baru, dan kurang fokus.

Selain itu, penderaan boleh menyebabkan kanak-kanak menjadi agresif, memberontak, atau menjadi terlalu tertutup. Mereka juga mungkin berisiko terlibat dalam masalah sosial, seperti juvana atau kegiatan antisosial. Bukan itu sahaja, penderaan yang berterusan boleh menyebabkan kanak-kanak membesar dengan risiko masalah mental yang berlarutan hingga ke dewasa jika tidak dirawat. Lebih teruk lagi, penderaan fizikal yang melampau boleh menyebabkan kecederaan parah yang akhirnya membawa kepada kematian. Kanak-kanak yang tidak berdaya sering menjadi mangsa keganasan sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa.

Kesimpulannya, penderaan kanak-kanak bukan sahaja meninggalkan kesan buruk yang mendalam terhadap perkembangan fizikal, emosi, dan mental mereka, tetapi juga boleh membawa kepada tragedi, seperti kematian. Hal ini menjadi tanggungjawab semua pihak, termasuk ibu bapa, masyarakat, dan pihak berkuasa untuk melindungi kanak-kanak dan memastikan mereka dibesarkan dalam persekitaran yang selamat, penuh kasih sayang, dan bebas daripada keganasan.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa ‘**kian melonjak**’ berdasarkan petikan di atas?
(2 markah)
2. Berdasarkan petikan ini, nyatakan **EMPAT (4)** kesan penderaan terhadap kanak-kanak.
(4 markah)
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** langkah yang sesuai untuk menangani kes penderaan kanak-kanak?
(4 markah)

Petikan (ii)

Baca puisi di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Kisah Penjual Jalanan

Penjual jalanan itu
bersama bungkusannya di tangan
berlari menghampiri pelanggan
menawarkan barang jualan.

Pelbagai ragam ditemui
ada membeli simpati
ada menolak dengan pekerti
ada hamun dan caci.

Penjual jalanan tak berputus asa
pelanggan terus dicari
walau hasilnya belum pasti
namun **usaha sudah sebat!**

(Dipetik dan diubah suai daripada *Kisah Penjual Jalanan*
dalam buku *Bercakap dengan Kucing* karya Nordin Saad, 2014)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa “**usaha sudah sebat!**”?

(2 markah)

2. Nyatakan **DUA (2)** mesej yang dapat ditemui dalam puisi di atas.

(4 markah)

3. Sekiranya anda berada di tempat penjual jalanan, apakah **DUA (2)** tindakan anda apabila berhadapan dengan pelanggan yang menghina dan mencaci anda?

(4 markah)

TATABAHASA (20 markah)

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- (a) Bina satu ayat bagi setiap penjodoh bilangan di bawah ini supaya jelas menunjukkan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. selamat (**2 markah**)
- II. keselamatan (**2 markah**)
- III. menyelamatkan (**2 markah**)
- IV. penyelamat (**2 markah**)
- V. terselamat (**2 markah**)

(10 markah)

- (b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

1. Saya telah menhantar emel jemputan mesyuarat kepada semua staf syarikat.

Kesalahan ejaan : _____ **(1 markah)**
Kesalahan imbuhan : _____ **(1 markah)**

2. Ibu pergi ke pasaraya untuk membeli barang kerperluan dapur dan pakaian.

Kesalahan ejaan : _____ **(1 markah)**
Kesalahan imbuhan : _____ **(1 markah)**

3. Adik-adik Mei Lin tersenyum gembira apabila menerima ang pau daripada datuk dan nenek mereka semasa berayaan Tahun Baru Cina.

Kesalahan ejaan : _____ **(1 markah)**
Kesalahan imbuhan : _____ **(1 markah)**

4. Pensyarah mengminta pelajar-pelajarnya membuka mukasurat 45 kerana terdapat nota penting yang akan dibincangkan dalam kuliah hari ini.

Kesalahan ejaan : _____ **(1 markah)**
Kesalahan imbuhan : _____ **(1 markah)**

5. Pelanggan bapa saya sanggup mentempuh jarak yang jauh hanya untuk menikmati satey yang lazat dan unik hasil air tangannya.

Kesalahan ejaan : _____ **(1 markah)**
Kesalahan imbuhan : _____ **(1 markah)**

(10 markah)

SOALAN 2**ARAHAN****: SOALAN ESEI (30 MARKAH)**: Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.**KARANGAN**

1. Banjir merupakan bencana alam yang sering berlaku di kawasan rendah, terutamanya apabila hujan lebat atau taufan melanda. Fenomena ini mengakibatkan kerosakan besar kepada masyarakat dan alam sekitar. Jelaskan kesan-kesan banjir kepada masyarakat dan alam sekitar.

ATAU;

2. Kenaikan kos sara hidup memberikan impak yang ketara kepada rakyat Malaysia. Terangkan kesan-kesan kenaikan kos sara hidup kepada rakyat Malaysia, terutama golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

ATAU;

3. Sebagai pelajar institusi pengajian tinggi, peribahasa "ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk" harus dijadikan panduan dalam kehidupan seharian. Bincangkan.

KERTAS SOALAN TAMAT